

18 APR 1997

Hungary-Lawatan

GYULA HORN MEMBUAT LAWATAN RASMI KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 18 April (Bernama) -- Perdana Menteri Hungary Gyula Horn akan memulakan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia bermula Isnin depan untuk meningkatkan hubungan dua hala.

Bagaimanapun, Horn dan isterinya Anna, dijadualkan terbang ke Langkawi dari Singapura esok bagi lawatan peribadi ke pulau percutian itu sebelum memulakan lawatan rasmi pada Isnin.

Horn akan diberikan sambutan rasmi di Medan Parlimen sebelum beliau bertemu dengan rakan sejawatannya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kedua-dua pemimpin itu kemudiannya akan menyaksikan perjanjian dua hala mengenai kerjasama saintifik dan teknologi antara kedua-dua negara itu.

Dr Mahathir akan mengadakan majlis makan malam bagi Horn di kediaman rasminya di Sri Perdana.

Horn akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar pada sebelah tengah hari dan juga menghadiri taklimat di Jabatan Perdana Menteri di Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri.

Beliau juga dijangka melawat Menara Kuala Lumpur dan menara berkembar KLCC.

Pada Selasa, Perdana Menteri Hungary itu akan menghadiri taklimat di Multimedia Development Corporation Bhd yang menyelia penubuhan Koridor Raya Multimedia di selatan ibu negara.

Beliau juga akan menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Matrade dan ITD-Hungary bagi mengadakan seminar pelaburan dan pameran perdagangan.

Dewan Perniagaan Kebangsaan dan Industri akan mengadakan majlis makan tengah hari bagi delegasi Hungary yang terdiri daripada ahli-ahli perniagaan utama negara itu pada Selasa. -- BERNAMA

TCL PR